

ramli
sarip
alive

ORANGE!





TAHUN 2000

Bagaimanakah nantinya
Dunia kita akan jadinya
Di tahun 2000
Apakah terus bergolak

Bagaimanakah manusia
Masih lagi sengketa
Di tahun 2000
Atau sayang menyayangi

Masihkah ada kejujuran
Lenyapkan semua keganasan
Ataukah dunia akan binasa
Kerana peperangan

Mungkinkah semua manusia
Banyak releks dari kerja
Di tahun 2000
Kerana wang berkuasa

Lagu: Sweet Charity
Dunia Muzik WEA
Lirik: S. Milda
Dunia Muzik WEA

JEJAK KE SYURGA

Kilauan dunia sesak nyawa
Bumi bukan syurga

Bayangan rimba abadi
Di malam terang bulan
Bisakah ku terangsang
Begitu dalam nafasku tahan...untuk
Memusatkan ilusi rindu
Hembus perlahan ke hujung kaki...anginnya
Sehingga ku miliki...dirimu sayang

Memukau resah resah gelisah
Takut-takut engkau berubah
Resah resah resah gelisah
Tulus cinta terbelah

Tepat ataupun sasar
Yang penting kita coba
Kantung pengembara...tiada keliru
Nyorok atau timbul...jangan keliru
Dia pasti tahu

Lagu: Ramli Sarip
Rasa Music
Lirik: Keon
Lunca Emas Sdn Bhd

AKAL VS JIWA

Perasaan
Kasih sayang
Pemberian
Dari tuhan
Siang malam

Mengasyikkan

Percintaan
Tidak ikhlas
Kebenaran
Amat culas
Kegagalan
yang digalas

Keinginan menjadi dendam
Keasyikan yang menjemukan

Dimana
Daya akal
Bila mimpi
Cari pasal
Sedang rasa
Kuasai mental

Bila sakit
Dalam jiwa
Fikir sempit
Cari syurga
Silap sikit
Putih mata
Bila rindu
Menjadi dendam
Kebenaran pula meragukan
Percintaan perpisahan kesah
menjemukan

Yang merasa dan tersiksa kan mencari tuhan

Lagu: Ramli Sarip
Rasa Music
Lirik: Bob Lokman
Warner Chappel Music (M) Sdn Bhd

BLUES BEE

Dua tahun ku menanggung sengsara itu
Selepas aku setia menunggu
Akhirnya aku berikan jawapan mu
Hanya sia-sia untuk ku

Apa lagi yang engkau mahu
Hairan, hairan, hairan, hairan
Sedang aku di sisi
Engkau tak pernah happy

Ke manakah ku kan pergi dari sini
Sedang jalan tiada lagi hanya
sampai di sini
Aku sesat di hujung jalan yang berliku
Aku cuba kembali ke jalan asalkan
Akhirnya kini aku sudah tahu
Rupanya aku sesat waktu bertemu dengan mu

Lagu: Ramli Sarip
Rasa Music
Lirik: Bob Lokman
Warner Chappel Music (M) Sdn Bhd

BLUES FELDA BLUES

Ayah ku kebingungan
Mencari kehidupan
Menanggung kesamaran

Matanya memerhati
Anaknya tak berbilang
Sekarang bagaimana
Putus kata sambung hidup di felda
Kerja keras asal perut
Beralas

Kuat cita hantarku ke sekolah
Mengharapkan ku mahir
Berladang

Setelah ku berjaya
Mengenal pertanian
Berubah perasan

Harapan dari ayah
Buktikan kejayaan
Di tanah milik tuhan

Tak mengerti budaya jiwa ini
Rasa malas untuk turun
Bertani

Ayah terus meningkat usia

Blues Felda Blues
Siapa Penggantinya

Lagu: Ramli Sarip
Dunia Muzik WEA
Lirik: Bob Lokman
Dunia Muzik WEA

IRAMA KASIH

Kalau dulu kita mengerti
Menyusun riwayat ini
Ingin kau letakkan
Ke lembah mana
Tidak mungkin aku larikan
Diri mu dari mereka
Demi suara-suara kedamaian
Ada lagu syahdu yang belum kita nyanyikan
Ada irama kasih yang ingin aku bisikkan

Ke mana pun langit
Kemana pun bumi
Di sisi kasih bersemi
Kau dalam lagu ku
Kau dalam diri ku
Engkau bahasa jiwa hatiku
Kalau dulu kita mengerti
Menyulam luka sendiri
Pastikan kesilapan
Tidak akan berulang

Oh hujan yang indah turunlah semahu mahu mu
Biarlah kelopak mawar mekar dalam ambar kasturi

Ke mana pun langit
Ke mana pun bumi
Di situ kasih bersemi
Kau dalam lagu ku
Kau dalam diri ku
Engkau bahasa jiwa hati ku

Lagu: Ramli Sarip
Rasa Music
Lirik: Hartina Ahmad
Rasa Music

MUNAFIK

Pengaruh imej bulu domba
Kau tertunduk menyembah berhala
Kata yang manis menyembur bisa
Diibaratkan hujan dari syurga
Dalam berimu tekad mu terpinda
Pengaruh kaum pura-pura

Sempit kebenaran kabur tujuan
Mata celik fikaran kelam
Hati merindu undangan syaitan
Ke pesta kamar penuh pelayan
Bertindih kehendak dan tujuan
Tidak yang putih tidak yang hitam
Melainkan kesamaran
Yang terang kemunafikan

Tetap berkekal di lubuk jahanam
Hidup mati berulang-ulang

Lagu: Ramli Sarip
Rasa Music
Lirik: Bob Lokman
Warner Chappel Music (M) Sdn Bhd

PERJALANAN

Perjalanan ku yang tiada diduga
Tiada lingkaran yang menghalang
Berjalan terus selesa dan aman
Menuju bahagia dengan harapan

Pertapaan di puncak gelora
Menekan perasaan jiwa ku

Lagu: Ramli Sarip, Rosli Mohalim & Ahmad Jaafar
Dunia Music WEA
Lirik: Ramli Sarip, Rosli Mohalim & Ahmad Jaafar
Dunia Music WEA

HUJAN

Awan kelabu menutup cahaya
Diiring dengan petir menyambar
Titisan air mencurah-curah
Membasahi bumi yang indah

Dia datang membawa utusan
Penyempurnakan hajat pak tani
Membasah bumi yang kekeringan

Menyampaikan kuasa tuhan

Tiada waktu datang dan pergi
Entah esok entahkan bila
Bagaimana dia selalu
Bersyukur kita dengan adanya

Lagu: M.Nasir
Lunca Emas Sdn Bhd
Lirik: M. Nasir
Lunca Emas Sdn Bhd

TUHAN YANG TAHU

Aaah...tolonglah diam
Tidak mungkin aku menang
Bicara yang sumbang
Sedang engkau dah terbang
Begini lemahnya mulut
Untuk menelan mu
Walaupun pasti kata-kata itu
Hanya palsu
Apa saja yang berlaku
Kini hangus dalam waktu
Bila kita saling keliru
Tuhanlah yang tahu
Jangan kau menyalahkan falsafah
Yang kau ikut dulu
Rahsia konfrantasi ini hanyalah
Ada dalam hati mu
Aku tidaklah ingin tahu
Apa yang engkau sendiri pun tak

tahu
Baiknya kita sama-sama membisu
Aku di sini
Engkau tak ke mana
Tiada siapa menanti
Di seberang sana

Lagu: M.Nasir
Lunca Emas Sdn Bhd
Lirik: Bob Lokman
Warner Chappel Music (M) Sdn Bhd



Penerbit eksekutif: Bob Lokman Penerbit: Ramli Sarip
Penyelarasan: Syam & Ali Susunan muzik: Ramli Sarip
& pemuzik A&R: Hamid Samion Urusan promosi:
Samirah, Rouslan Mokhtar, Rohani Ismail, Asri, Man Toba,
Sheila, Eddie Hamid, Irene & Jal Rekabentuk: J.Nagoya
Fotografi kulit: Den Esbagos Studio rakaman langsung:
Synchrosound Studio Jururakam: Nick Blas Band
Juruadun: Greg Henderson & Nick Blas Band Mastering:
Faizal Monitor Engineer: BJ

Pemuzik: Drums: Tom (Revolvers) & Yazit (Search)
Gitar: Wan Ahmad (Sweet Charity) & Samad
(Lefthanded) Bass: Hamid (BDB)

Penaja backline equipment: SZS Productions

Terima kasih kepada En.Aziz Bakar dan semua staff
BMG,Fauzi Marzuki, Latifah & Ras Adiba - Synchrosound,
Sas, Pak Tam,Alok, Md. Nor, Man Kepong dan Munir -
SZS Production.

Ini adalah produksi rakaman yang kedua Ramli Sarip bersama
BMG selepas "SYAIR TIMUR".

Album yang dinamakan "RAMLI SARIP A LIVE" adalah sebagai
konsep yang memberitahu bahawa Ramli Sarip sedang
menghasilkan sesuatu yang berat dan bertenaga dari segi 'sound'
dan susunan muzik.

Umum selama ini mengenali Ramli sebagai seorang penyanyi rock yang berputik bersama Sweet Charity. Kemudiannya Ramli terus rock dalam gaya solo sehinggalah beliau seolah-olah berubah bila menjadi keluarga BMG.

Telah diterangkan dahulu bahawa "SYAIR TIMUR" adalah suatu eksperimentasi hasil daripada kedewasaan Ramli berkembang dalam empat era muzik. Ramli juga telah menegaskan bahawa karya beliau yang seterusnya akan bertolak daripada "SYAIR TIMUR".

Namun begitu penghasilan "RAMLI SARIP A-LIVE" kali ini bukanlah untuk melanggar kehendak itu, (Ini adalah kerana album terbaru ini jauh meymipang daripada landasan "SYAIR TIMUR" - lebih tepat ia adalah muzik Rock&Roll) melainkan hanyalah semata-mata sebagai satu pelepasan perasaan yang selama ini memang telah menjadi teras dalam diri Ramli.

Walau bagaimanapun dari sudut lain pula album ini adalah sebagai silratulrahim terhadap peminat yang 'hard-core' dengan irama Rock&Roll.

Tidak perlu kita pertikaikan hasil karya Ramli kali ini kerana ia adalah fakta yang normal dalam diri setiap manusia.

Harapan daripada kami di keluarga Legend Music album ini akan menyelinap masuk ke setiap pelusuk Malaysia melalui persembahan dan konsert Ramli yang bakal diatur sedikit masa lagi.

Terima kasih buat semua yang mengerti dan menyokong usaha kami - PEHAK'S, Boy, Sahar & Mollano (Lovehunters), Hartina Ahmad, Jamal S. Sulaiman, Din Cameraman, Firdaus, Fida

BOB LOKMAN

ramli sarip *alive*

tahun 2000 4:47
jejak ke syurga 5:48
akal vs jiwa 4:00
blues bee 4:19
blues felda blues 4:42
irama kasih 5:25
munafik 6:22
perjalanan 5:52
hujan 5:39
tuhan yang tahu 6:27



BMG

© & © 1998 Legend Music

Perhatian: Semua hak pengeluaran dan pemilik kerja-kerja rakaman adalah terpelihara. Oleh itu, persembahan di khalayak ramai, penyiaran atau peniruan tanpa kebenaran rakaman ini adalah dilarang.

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

COMPACT
disc
DIGITAL AUDIO

74321-64330-2

ramli sarip **alive**

© 1998 Legend Music

Sebarang pengedaran dan pemilik kerja-kerja rakaman
tanpa kebenaran. Oleh itu persembahan di khalayak ramai,
penerbitan atau peminuan tanpa kebenaran rakaman ini adalah dilarang.



BMG

ramli sarip *aliye*

tahun 2000 4:47
 jejak ke syurga 5:48
 akal vs jiwa 4:00
 blues bee 4:19
 blues felda blues 4:42
 irama kasih 5:25
 munafik 6:22
 perjalanan 5:52
 hujan 5:39
 tuhan yang tahu 6:27



© & © 1998 Legend Music

Perhatian: Semua hak pengeluaran dan pemilik kerja-kerja rakaman adalah terpelihara. Oleh itu, persembahan di khalayak ramal, penyiaran atau peniruan tanpa kebenaran rakaman ini adalah dilarang.

Edaran: BMG Music (M) Sdn Bhd, 133-1, Jalan Segambut, 51200 KL.
 Edaran di Singapura: BMG (S) Pte Ltd, 59, Jalan Pemimpin, #01-01, L&C Building, Singapore.
 Dicitak oleh: Digitpress Sdn. Bhd. (29967-H)